



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA Perkara : Kepimpinan dan Pengurusan PMM

TAJUK ARTIKEL : NORIZAM PENGARAH BAHARU POLITEKNIK MERLIMAU

SUMBER : MALAYSIA AKTIF- 15 MAC 2022



Laporan/foto: Rozer Masudin/PMM

MERLIMAU, 15 Mac (Malaysiaaktif) – Politeknik Merlimau (PMM) telah menerima pengarah baharu iaitu Norizam Sekak berkuat kuasa pada 14 Mac 2022 bagi menggantikan pengarah terdahulu Mohd Hatta Zainal.

Menurut Norizam, pelantikan beliau sebagai Pengarah PMM yang baharu ibarat "sirih pulang ke gagang" kerana sebelum ini beliau pernah bertugas di PMM pada tahun 2012 sebagai Ketua Jabatan Perdagangan, PMM.

"Perjalanan saya sebagai penjawat awam telah bermula sejak tahun 1997 dan telah berbakti di tujuh institusi dan saya yakin bahawa sekiranya semua pihak bersatu hati tidak mustahil untuk apa sahaja perkara dapat dicapai", katanya lagi kepada pemberita.

Untuk rekod, beliau sebelum ini pernah memegang beberapa jawatan penting di politeknik dan kolej komuniti. Jawatan terakhir beliau ialah Pengarah Kolej Komuniti Segamat 2 dari tahun 2019 hingga 2021.

-ZS-